

Al-Quran dan Sains

Oleh

**Dr Danial bin Zainal Abidin
(M.B.Ch.B., University of Alexandria)**

- *Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.*
- *Pengarah Urusan Danial Zainal Consultancy.*
- *Pengamal Perubatan Swasta Selama 27 Tahun.*
- *Mentor Kefahaman Al-Quran Maahad Tahfiz Negeri Pahang.*
- *Panelis Program Halaqah dan Tanyalah Ustaz TV9.*
- *Kolumnis Majalah i (Karangkraf).*
- *Penulis 13 Buah Buku, 5 Daripadanya Bestseller.*
- *Penasihat Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI).*

Mukadimah

Allah berfirman dalam surah al-Israk ayat 9 yang bermaksud, “Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang *aqwam* dan memberi khabar gembira kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan amal salih bahawa bagi mereka ada pahala yang besar.”

Ayat ini menjelaskan bahawa Al-Quran ialah petunjuk yang akan membawa manusia kepada sesuatu yang *aqwam*. Apakah maksud *aqwam*? Dalam *al-Jamik li Ahkamil Quran*, Imam Qartubi berkata, “Kalimat *aqwam* bermaksud jalan yang paling benar, paling adil dan paling tepat”.

Justeru mereka yang membaca, memahami, menghayati serta menjadikan Al-Quran sebagai sumber rujukan, kesejahteraan dan kecemerlangan sedang menanti mereka. Hal ini disebabkan kehidupan mereka disulahi oleh formula yang “paling benar, paling adil dan paling tepat.”

Minda Sainifik

Al-Quran merupakan *huda* atau petunjuk Ilahi. Dengan petunjuk itu manusia mampu mencapai *hasanah* di dunia dan *hasanah* di akhirat. Petunjuk Al-Quran juga membnetuk minda umat Islam supaya berminda saintifik.

Minda saintifik mempunyai ciri-cirinya. Antaranya ialah:

- 1- Mementingkan dalil dan bukti. Dalam surah al-Baqarah ayat 260 Allah menceritakan tentang Nabi Ibrahim yang bermohon kepada Allah agar ditunjukkan kepada baginda bukti berhubung kebangkitan semula selepas mati. Hal ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi keyakinan yang sedia mantap.

Baginda berkata, “Wahai Tuhanku, tunjukkanlah kepadaku tentang bagaimana Kamu menghidupkan mereka yang mati. Berkata Allah: Apakah kamu tidak yakin? Berkata Ibrahim: Aku telah yakin akan tetapi agar hatiku mantap (dengan iman).”

Dalam konteks Nabi Ibrahim, permintaan baginda untuk melihat bagaimana Allah menghidupkan orang yang mati bertujuan untuk meningkatkan lagi makam keyakinan baginda daripada *ilmu al-yakin* (keyakinan berdasarkan hujah ilmu) kepada *ain al-yakin* (keyakinan berdasarkan penglihatan). Hal ini disebutkan dalam *al-Asas fit Tafsir* oleh Syeikh Said Hawa. Oleh sebab bukti dan dalil adalah penting,

- 2- Menolak khurafat dan tahayul. Dalam Surah Al-Baqarah ayat 170, Allah berfirman, “Apabila dikatakan kepada mereka: ‘Ikutlah apa yang telah diturunkan Allah,’ mereka menjawab: ‘(Tidak), tetapi kami akan ikut apa yang telah kami dapati dari perbuatan nenek moyang kami’. Apakah mereka tetap hendak mengikut walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun dan tidak mendapat petunjuk?”

Sebahagian daripada adat resam dan budaya bangsa yang diamalkan oleh masyarakat pada hari ini mengandungi khurafat dan tahayul. Umat Islam dituntut mencari hujah

dan dalil sebelum mempercayai sesuatu. Khurafat dan tahayul merupakan kepercayaan yang tidak berasaskan bukti lagi tidak masuk akal. Islam menentang kepercayaan yang seperti ini, sebagai contoh, kepercayaan terhadap konsep sial majal. Berhubung dengan ini Bukhari dan Muslim meriwayatkan sabda Nabi yang bermaksud, “Tidak ada sial majal (dalam Islam).”

Dalam riwayat yang lain oleh Bukhari, Nabi bersabda, “Tidak ada sial pada bulan Safar.” Dalam sesetengah masyarakat, kadang kala kesialan dikaitkan dengan bunyi binatang tertentu, contohnya bunyi burung hantu, ataupun suara-suara tertentu. Nabi menolak kepercayaan yang dangkal ini melalui sabda baginda yang bermaksud, “(Mempercayai) kesialan pada suara-suara (tertentu).... adalah daripada perbuatan syaitan.” Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud.

- 3- Suka mengkaji serta membuat analisis, antaranya, mengkaji alam secara sistematik. Inilah yang tersirat di sebalik firman Allah yang terdapat dalam surah al-Ghasyiah ayat 17-20 yang bermaksud, “Apakah mereka tidak melihat kepada unta bagaimana ianya diciptakan. Dan langit bagaimana ia ditinggikan. Dan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan. Dan bumi bagaimana ia dihamparkan.”

Justeru, golongan pengkaji dimuliakan Allah dan Dia menggelar mereka sebagai *ulul albab*. Dalam surah Ali Imran ayat 190-191 Allah berfirman, “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi *ulul albab*. (Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka banyak berfikir tentang penciptaan langit dan bumi seraya berkata, ‘Wahai Tuhan kami Kamu tidak menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka’.”

- 4- Bersedia untuk menerima penemuan serta kajian yang sah lagi autentik terutamanya di sudut duniawi. Nabi Muhammad merupakan contoh yang terbaik dalam aspek ini. Dalam aspek duniawi baginda amat menghormati rumusan dan konklusi yang diputuskan berdasarkan pengamatan serta bukti yang sahih.

Pernah pada suatu ketika, baginda menegur sahabat-sahabat yang telah mengacukkan pohon-pohon kurma demi memperoleh hasil yang lebih baik. Kerana menghormati Nabi mereka tidak lagi mengacukkan pohon-pohon itu. Hasilnya ialah produktiviti yang menurun dan pengalaman ini akhirnya mereka ceritakan kepada baginda. Nabi terus menyuruh mereka meneruskan dengan amalan yang asal, iaitu mengacukkan pohon-pohon kurma, kerana telah terbukti cara itu mendatangkan hasil yang lebih baik. Berkaitan dengan insiden inilah, Nabi bersabda (berpandukan hadis Muslim daripada Rafi’ bin Khadij), “Kamu lebih tahu tentang urusan duniamu.”

- 5- Bersikap inovatif. Mengikut *Kamus Dewan*, *inovatif* bermaksud ‘gagasan atau pendekatan yang membawa pembaharuan’.

Salah seorang peribadi unggul yang inovatif yang kisahnya disebutkan di dalam Al-Quran ialah raja Zulqarnain. Beliau pernah menemui satu kumpulan manusia yang terpencil dan mereka memohon jasa baik beliau melakukan sesuatu yang dapat mencegah Yakjuj dan Makjuj dari mendatangkan kerosakan ke atas mereka.

Zulqarnain bersetuju untuk menolong mereka dengan membina sebuah tembok yang luar biasa. Berhubung dengan ini Allah berfirman: “(Berkata Zulqarnain): ‘Berilah aku potongan-potongan besi’. Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua puncak gunung itu, berkatalah Zulqarnain: ‘Tiuplah (api itu).’ Apabila besi itu menjadi (merah seperti) api, dia pun berkata: ‘Berikan aku tembaga yang mendidih agar ku tuangkannya ke atas besi panas itu’. Maka mereka tidak mampu mendakinya dan mereka juga tidak mampu untuk melubanginya.” (Surah Al-Kahfi ayat 96-97)

Mukjizat Al-Quran di Sudut Saintifik

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat, mukjizat bermaksud, “Kejadian luar biasa kurniaan Allah kepada para Nabi dan Rasul untuk membuktikan kebenaran mereka”.

Dalam *at-Tibyan fi Ulum al-Quran* oleh Syeikh Muhammad Ali as-Sabuni, mukjizat didefinisikan sebagai, “Perkara yang luar biasa yang tidak mengikut hukum sebab musabab yang difahami. Ia dijadikan Allah untuk berlaku di tangan para Rasul sebagai bukti tentang kebenaran mereka.”

Nabi Muhammad dikurniakan dengan pelbagai mukjizat. Namun mukjizat yang paling agung yang dianugerahkan Allah kepada Baginda ialah al-Quran. Berhubung dengan ini, Imam Bukhari meriwayatkan sabda Nabi yang bermaksud, “Setiap Nabi diberikan mukjizat yang dapat membuat manusia beriman. Diberikan kepadaku wahyu daripada Allah”.

Sains dan Al-Quran tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya berjalan secara seiring. Walau bagaimanapun Al-Quran bukannya sebuah buku sains. Ia adalah wahyu Allah. Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk agar manusia dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil. Walau bagaimanapun terdapat dalamnya ayat-ayat yang menceritakan tentang kejadian alam semesta serta fenomena-fenomena yang berkaitan dengannya.

Antara ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang hubungan ini ialah ayat 53 dalam surah Fussilat yang bermaksud, “Akan Kami tunjukkan kepada mereka bukti-bukti kebenaran Kami di segenap ufuk (penjuru alam) dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas kepada mereka bahawa *Al-Quran* itu benar.”

Berhubung dengan ayat ini, dalam kitab *Tafsir Al-Quran al-Azim*, Imam Ibn Kathir berkata, “(Allah) akan tunjukkan bukti-bukti serta dalil-dalil di alam ini yang menunjukkan bahawa *Al-Quran* ini adalah benar.” Untuk menerokai bukti serta dalil daripada alam, sains diperlukan.

Konklusi yang dibuat Syeikh Said Hawa berhubung ayat ini amat menarik sekali. Dalam *al-Asas fit Tafsir* beliau berkata, “Dalam buku saya bertajuk ‘Ar-Rasul’ saya membuktikan bagaimana Allah menunaikan janjinya yang terdapat dalam ayat ini. Jika manusia melihat kepada segenap penjuru alam dan dalam diri mereka sendiri, mereka akan melihat sesuatu yang membenarkan Al-Quran. Apabila apa yang mereka lihat itu dikaitkan dengan apa yang terdapat dalam Al-Quran, mereka akan meyakini bahawa Al-Quran sebenarnya datang daripada Allah.”

Justeru, ayat ini merupakan jambatan antara sains dan Quran. Ia mengisyaratkan bahawa penemuan-penemuan sains masa kini yang berkaitan dengan alam dan manusia akan

menampakkan, tanpa ragu-ragu lagi, kebenaran Al-Quran. Justeru, penemuan-penemuan sains masa kini boleh dimanfaatkan untuk memahami ayat-ayat tertentu dalam Al-Quran.

Contoh Al-Quran Sainifik

- 1- **Langit dan bumi berasal dari asap (Kosmologi)** – Di dalam surah Fussilat Allah berfirman: “Kemudian Dia menuju ke langit dan langit ketika itu berbentuk *dukhan* (asap) lalu Dia berkata kepadanya dan bumi: ‘Datanglah kamu berdua dengan tunduk atau terpaksa’. Keduanya menjawab: ‘Kami datang dengan tunduk’”. (Fussilat ayat 11)

Berhubung ayat ini, di dalam kitab *al-Asas fit Tafsir*, Syeikh Said Hawa berkata, “Sesungguhnya memang sudah ada suatu keyakinan bahawa sebelum terjadinya bintang-bintang, keadaan di angkasa raya adalah di dalam bentuk gas seumpama asap.. Pandangan yang seperti ini boleh dianggap sebagai sah kerana ia begitu hampir dengan maksud kalimat *dukhan* di dalam al-Quran”.

Kajian pada hari ini menunjukkan bahawa asal-usul kejadian bumi serta bintang-bintang ada perkaitan dengan asap. Asap ini mengandungi ‘gas-gas tertentu serta habuk kosmik’. Berhubung dengan ini, dalam laman sesawang *NASA* (di <http://science.nasa.gov/astrophysics/focus-areas/how-do-stars-form-and-evolve/>), dilaporkan, bintang-bintang berasal daripada gumpalan asap yang panas yang mengandungi gas dan habuk. Bahan-bahan ini melahirkan bintang-bintang (termasuk matahari). Baki daripadanya melahirkan, antaranya, planet-planet (termasuk bumi).

Pengerusi Jawatankuasa Mukjizat Sainifik di dalam al-Quran dan Sunnah (Mesir), Profesor Dr. Zaghloul an-Najjar, dalam tulisannya bertajuk *The Cosmic Smoke* (<http://www.elnaggarzr.com/en/main.php?id=48>), berkata, “(Penggunaan pelbagai teknologi canggih) membantu ke arah mengenal pasti asap di angkasa yang terhasil selepas berlakunya *Big Bang*. Ia jelas menunjukkan kalimat *dukhan* (asap) yang digunakan al-Quran menceritakan keadaan alam di peringkat awal dahulu dengan tepat sekali.” Yang jelas ialah, tidak mungkin fakta kosmologi ini diketahui Nabi 1400 tahun dahulu tanpa bantuan wahyu.

- 2- **Besi dalam bumi (Geologi)**. Mengikut *Kamus Dewan*, geologi ialah bidang kaji bumi. Salah satu aspek yang dikaji ialah berkaitan asal usul besi di bumi.

Dalam surah al-Hadid Allah berbicara tentang besi dan kepentingannya. Allah berfirman: “Dan Kami menurunkan (*anzalna*) besi yang terdapat padanya kekuatan yang hebat serta pelbagai manfaat bagi manusia.” (al-Hadid ayat 25)

Dalam ayat ini Allah menggunakan kalimat ‘*anzalna al-hadid*’ yang bermaksud ‘Kami menurunkan besi’. Dalam *al-Jamik li Ahkam al-Quran*, Imam Qartubi menukulkan pandangan sebahagian ulama yang mengatakan bahawa besi sebenarnya diturunkan dari langit. Antaranya ialah riwayat oleh sahabat Omar al-Khattab yang mengatakan Allah menurunkan empat perkara dari langit. Salah satunya ialah besi. Ia memberi makna, besi pada asalnya tidak ada di bumi. Allah menurunkannya dari langit, iaitu dari angkasa raya.

Kajian semasa membuktikan besi yang wujud di dunia datang dari bintang-bintang gergasi di angkasa raya. Untuk menghasilkan besi suhu yang diperlukan perlu mencecah ratusan juta darjah Selsius. Suhu tertinggi di bumi masih terlalu rendah untuk menghasilkan besi, iaitu, lebih kurang 7,000 darjah Selsius. Suhu tertinggi di matahari pula hanya mencecah lebih kurang 20 juta darjah Selsius.

Justeru, besi hanya dapat dihasilkan oleh bintang yang lebih besar daripada matahari, di mana suhunya mencecah ratusan juta darjah Selsius. Apabila besi di dalam bintang ini melebihi jumlah tertentu ia akan meledak dengan satu letupan besar yang dikenali sebagai 'supernova'. Ledakan ini menghasilkan meteor yang mengandungi besi dan ia bertaburan di angkasa raya. Lebih kurang 4.5 bilion tahun dahulu meteor ini telah berlanggar dengan bumi dan dengan itu 'turunlah besi ke bumi'.

Bukti-bukti tentang hakikat ini telah ditemui NASA (National Aeronautics and Space Administration, America) sebagai mana yang dilaporkan oleh *Los Angeles Times* bertarikh 17 Disember 1987, di bawah tajuk *Supernova Explosion Tied to Origin of Heavy Metals*. Pada tahun 1997 dengan pelancaran kapal angkasa *Advanced Composition Explorer*, maklumat yang diperolehi melaluinya menguatkan lagi hakikat ini.

- 3- **Kejadian gunung-ganang (Geologi).** Dalam surah an-Naba' ayat 6-7, Allah berfirman: "Bukankah Kami telah menjadikan bumi itu sebagai hamparan, dan gunung ganang sebagai pasak (*autaad*)?"

Dalam *Hans Wehr: A Dictionary Of Modern Written Arabic*, *autaad* diertikan sebagai "pegs, pins" yang bermaksud "pasak, paku".

Selama ini gunung didefinisikan sebagai satu kawasan tinggi di atas muka bumi. Dalam *A Dictionary of the Natural Environment (Monkhouse & Small, 1978)*, gunung ialah "kawasan tanah yang tinggi di atas bumi kebiasaannya (iaitu di Britain) melebihi ketinggian 600 meter (2000 kaki)." *The New Encyclopedia Britannica* mendefinisikan gunung sebagai "kawasan bumi yang lebih tinggi berbanding kawasan-kawasan yang lain." Demikian juga yang didefinisikan oleh *Encyclopedia Americana*.

Justeru kesemua definisi tentang gunung ini memfokuskan tentang aspek tanah tinggi di atas bumi dan langsung tidak menyentuh tentang akarnya di bawah bumi. Tiba-tiba al-Quran menyatakan bahawa gunung adalah *autaad* seumpama pasak atau paku yang dibenamkan ke dalam sesuatu. Sekali gus al-Quran menunjukkan bahawa gunung-ganang, di samping merupakan kawasan tinggi di atas bumi, ia juga mempunyai akar di bawah bumi yang berfungsi seperti pasak.

Sains moden mula menyedari bahawa gunung mempunyai akar di bawah bumi bermula abad ke-19 Masihi. Dalam sebuah buku yang menjadi rujukan di banyak universiti di dunia bertajuk *Earth* karangan Frank Press and Raymond Siever, dinyatakan dengan jelas bahawa gunung ganang mempunyai akar yang menunjang ke dalam bumi. Demikian juga yang dinyatakan dalam buku *Earth Science* karangan Edward J. Tarbuck dan Frederick K. Lutgens.

Berhubung perkara ini, Syeikh Said Hawa dalam *al-Asas fit Tafsir* berkata, "(Berhubung ayat al-Quran yang menyatakan gunung ganang mempunyai *autaad* atau

akar), ia memang menampakkan al-Quran mukjizat kerana ilmu geologi hanya baru-baru ini mengesahkan hakikat gunung ganang sebenarnya mempunyai akar di dalam bumi.”

Oleh Dr Danial bin Zainal Abidin,
(M.B.Ch.B., Alexandria)
Danial Zainal Consultancy,
Pulau Pinang, Malaysia.